

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN NO. 74

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pecahan pemilik akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-*i*) yang menerima manfaat daripada insentif Geran Sepadan mengikut kaum dan negeri sejak diperkenalkan pada tahun 2003.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara keistimewaan yang ditawarkan oleh Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-*i*) adalah pemberian geran sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Sehingga 30 September 2019, seramai 1,580 pendeposit dengan amaun berjumlah RM2,478,673.75 telah menerima manfaat daripada insentif geran sepadan sejak diperkenalkan pada tahun 2003. Daripada jumlah ini, seramai 1,273 pendeposit adalah bumiputera dengan amaun sebanyak RM1,608,273.41. Manakala seramai 307 pendeposit adalah bukan bumiputera dengan amaun sebanyak RM870,400.34.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-*i*) telah memberi manfaat kepada 1,580 pendeposit dengan pecahan mengikut negeri seperti; Johor (210), Pahang (209), Perak (176), Kelantan (175), Selangor (175), Terengganu (129), Kedah (128), Negeri Sembilan (94), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (67), Pulau Pinang (65), Melaka (52), Sarawak (51), Sabah (29), Perlis (15) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (5).